



PARLIMEN MALAYSIA

## SIARAN MEDIA PARLIMEN MALAYSIA PERKUKUH SINERGI LEGISLATIF DAN EKSEKUTIF MELALUI KEJOHANAN BOWLING 2026

**PUTRAJAYA, 12 FEBRUARI 2026** – Parlimen Malaysia hari ini mengukuhkan lagi hubungan strategik antara institusi perundangan dan pentadbiran kerajaan melalui penganjuran Kejohanan Bowling Parlimen Malaysia 2026 yang berlangsung di U-Bowl, Alamanda, Putrajaya.

Program ini adalah manifestasi kepada Majlis Ramah Mesra bersama jemputan Parlimen Malaysia 2026 yang dihoskan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat bagi memupuk kerjasama inklusif antara pelbagai bidang pentadbiran negara.

**Kejohanan bowling ini telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Dato' Dr. Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat** serta turut dihadiri:

- I. Timbalan Menteri,
- II. Kelab Penyokong Kerajaan (BBC),
- III. Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM),
- IV. Ketua Setiausaha (KSU), dan
- V. Warga Parlimen serta Pengamal Media.

Sebagai platform untuk memperkukuh citra positif Parlimen Malaysia sebagai sebuah institusi yang inklusif dan dinamik, penganjuran ini bukan sekadar aktiviti sukan malah berfungsi sebagai platform strategik bagi meningkatkan profesionalisme dan kompetensi warga Parlimen berteraskan kepada:

- i. **Pemantapan kerja berpasukan** yang merentasi pelbagai kementerian,
- ii. **Pengukuhan jaringan strategik** antara pihak legislatif dan eksekutif, dan
- iii. **Pengukuhan imej institusi Parlimen Malaysia** sebagai sebuah institusi yang dinamik dan telus.

Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan dalam melaksanakan transformasi institusi yang holistik demi kecemerlangan tadbir urus negara. Di samping memperkukuhkan tadbir urus negara, penganjuran ini dapat mempromosikan gaya hidup seimbang (*work-life balance*) bagi memastikan produktiviti kerja yang lebih optimum dan dinamik secara tidak langsung dalam kalangan warga kerja Parlimen Malaysia.

Penganjuran ini telah membuktikan bahawa sinergi yang utuh antara Parlimen merentas kementerian sebagai kunci kepada kecemerlangan tadbir urus.

**-TAMAT-**